



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANCELOR  
(PEMBANGUNAN)**

---

**Bilangan 4 Tahun 2020**

**PENGUATKUASAAN PENJIMATAN PENGGUNAAN TENAGA  
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) STAF  
DAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan mengenai penjimatan penggunaan tenaga dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) staf dan pelajar Universiti Teknologi MARA. Selain itu, penjimatan tenaga elektrik secara cekap dan optimum adalah langkah terbaik untuk mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida selain memberikan pulangan kewangan daripada penjimatan bil utiliti.

**LATAR BELAKANG**

2. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
  - i. YAB Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 sebagai langkah bagi menangani penularan wabak COVID-19 di Malaysia.
  - ii. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat edaran JPA.SARAAN (S) 256/6/31 bertarikh 17 Mac 2020 telah mengeluarkan Arahan Bekerja Dari Rumah Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan. Walau bagaimanapun terdapat "essential services" seperti Polis Bantuan, Petugas Kolej, Kontraktor Penyelenggaraan yang masih bertugas. Terdapat juga sebahagian pelajar yang menginap di Kolej dan staf Residen Kolej.

## TUJUAN PELAKSANAAN

3. Ketetapan ini adalah selaras dengan tanggungjawab Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ), Staf dan Pelajar seperti berikut :

- i) Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan bangunan pejabat dan bangunan akademik tiada pembaziran penggunaan tenaga.
- ii) Sekiranya terdapat staf yang perlu berkerja, pastikan ruang kerja adalah tahap minimum dan menggunakan penghawa dingin jenis *split* unit.
- iii) Ketua Pusat Tanggungjawab perlu memastikan peralatan pejabat ditanggalkan *plug* bagi mengelakkan kehilangan tenaga.
- iv) Melaporkan kepada talian aduan Bahagian Fasiliti sekiranya terdapat sebarang pembaziran penggunaan tenaga di sekitar kampus.

4. Panduan Penjimatan Penggunaan Tenaga Bagi Warga Universiti Teknologi Mara Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) agar semua warga UiTM mematuhi arahan seperti berikut :

### 4.1 Sistem Lampu

- i) Lampu dipasang di zon atau kawasan bekerja sahaja.
- ii) Padamkan lampu yang tidak atau jarang digunakan seperti bilik setor, tandas, bilik mesyuarat, *pantry* dan surau.
- iii) Padamkan lampu luar yang tidak digunakan (koridor, kaki lima, lobi) sekiranya tidak perlu kecuali untuk keperluan keselamatan dan sebagainya.
- iv) Lampu bilik pejabat, bilik kuliah, dan asrama dipadamkan sekiranya tiada pengguna.
- v) Pastikan waktu operasi sistem pencahayaan dihidupkan pada masa yang sesuai.
- vi) Semua lampu hiasan bangunan pejabat dipadamkan

#### 4.2 Penghawa Dingin

- i) Padamkan sistem *split* unit (jika anda meninggalkan bilik untuk tempoh melebihi 2 jam).
- ii) Kurangkan waktu operasi sistem bagi ruang yang tidak kritikal
- iii) Sistem Penghawa Dingin Berpusat dihidupkan mengikut keperluan jadual waktu dan melalui permohonan oleh Ketua PTJ

#### 4.3 Lif

- i) Gunakan lif hanya untuk bergerak ke tingkat yang jauh
- ii) Gunakan tangga untuk bergerak ke tingkat yang berhampiran

#### 4.4 Peralatan Pejabat

- i) Komputer
  - a) Memastikan suis dimatikan dan *plug* ditanggalkan apabila peralatan elektrik digunakan. *Plug* perlu ditanggalkan dan bukan hanya mematikan suis sahaja kerana masih terdapat tenaga elektrik yang mengalir
  - b) Memastikan *setting monitor* komputer dalam keadaan *sleep mode* apabila tidak digunakan untuk jangka masa yang singkat dan mematikan terus jika tidak digunakan untuk jangka masa yang lama. Komputer dalam *setting sleep mode* akan menggunakan tenaga elektrik yang lebih rendah.
  - c) Penggunaan komputer riba adalah lebih efisien berbanding komputer *desktop*. Komputer riba menggunakan suku daripada tenaga yang digunakan oleh komputer bermonitor CRT
- ii) Mesin Cetak, Pengimbas, Fotokopi dan Televisyen
  - a) Matikan dan tanggalkan *plug* mesin pencetak, pengimbas fotokopi dan televisyen selepas sahaja tamat waktu bekerja


- b) Set mesin pencetak dan fotokopi kepada *save mode* dan *off* kepada pelarasan yang rendah penggunaan tenaga
- c) Gunakan email untuk mengedarkan laporan/surat panggilan/minit mesyuarat/surat pekeliling

#### TARIKH DIKELUARKAN

- 5. Pekeliling ini dikeluarkan pada 28 April 2020.

#### TARIKH KUATKUASA

- 6. Tarikh kuatkuasa adalah **serta merta**.



**PROF Ts Dr MOHD FOZI ALI**  
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

*Dikelilingkan Kepada :*

*Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Warga UiTM*

*Bil Fail : 100-PPII(PTA 6/7/3)  
No. Siri : Pekeliling TNC (Pembangunan)*